**IKRAM QA SERVICES SDN BHD** (479565-A)
Block 5, Level 1, Unipark Suria, Jalan Ikram-Uniten, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.
Tel: (603) 8738 3388 • Fax: (603) 8736 7254
email: ikramqa@ikram.com.my
www.ikram.com.my
*(A member of Kumpulan IKRAM)*

Product Certification Services — Testing Services*
K-MARK — MS ISO/IEC GUIDE 65:2000 PC 02022009 CB 03 — MS ISO/IEC 17025 TESTING SAMM NO. 347
*MATERIAL TESTING LABORATORY
Block 7, Unipark Suria, Jalan Ikram-Uniten, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

Rujukan : ( 2 ) dlm.IKRAM/QA/SB/03-F1
Tarikh : 20.10.2015

FAXED
By ƏW
Date 22/10/15 Time 9:30

**Oversea Lighting & Electric (M) Sdn. Bhd.**
Lot 6595, Jalan KPB 12B,
Kawasan Industri Kg. Baru Balakong,
43300 Seri Kembangan,
Selangor Darul Ehsan.
(u/p : YBhg. Dato' SK Wong)

Tel : 03-8964 1888/ 8964 1878
Faks : 03-8964 1868

Tuan,

**PERMOHONAN UNTUK PENYENARAIAN DALAM "SENARAI BAHAN / BARANGAN BINAAN TEMPATAN"**
**Senarai Tahunan Edisi Kesembilan belas – Senarai No. 23 (Januari hingga Disember 2016)**

| | |
|---|---|
| **Nama Produk** | : **Luminaires For Road And Street Lighting** |
| Standard / Spesifikasi Produk | : MS IEC 60598-1 : 2006 & MS IEC 60598-2-3 : 1997 |
| Nombor Lesen Persijilan Barangan | : PC001687 |
| Tarikh Tamat Lesen | : 10 April 2016 |

---

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan **Borang B-1-16** yang diterima pada **21.8.2015** adalah berkaitan.

2. Untuk makluman tuan, Senarai Bahan/Barangan Binaan Tempatan (SBBT) yang diterbitkan oleh IKRAM QA Services Sdn. Bhd. (IKRAM QA) adalah untuk penyenaraian **bahan/barangan binaan tempatan sahaja** bagi mematuhi **1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) PK 1/2013, Punca Kuasa, Prinsip Dan Dasar Perolehan Kerajaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.** Selaras dengan itu, bagi melayakkan sesuatu bahan/barangan untuk disenaraikan, ianya hendaklah mematuhi kriteria-kriteria berikut:

i. bahan/barangan hendaklah dikeluarkan oleh kilang yang menjalankan aktiviti pengilangannya di dalam Malaysia; dan

ii. bahan/barangan berkenaan telah mematuhi standard yang berkenaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Sijil/Lesen Pensijilan Barangan yang dikeluarkan oleh Badan Pensijilan yang diiktiraf dan diterima oleh pihak IKRAM QA.

3. Selaras dengan perkara 2, bahan/barangan di atas adalah **diterima untuk disenaraikan** berasaskan Lesen SIRIM QAS International Sdn. Bhd. (SIRIM) bernombor **PC001687.**